



BUKAN HALANGAN ... Wong (kanan) bersama ibunya, Tan.

Pelajar OKU lanjut pelajaran di UMS

NST 2-7-13 3

KOTA KINABALU: Kecacatan yang dialami tidak mematahkan semangat seorang pelajar OKU (Orang Kurang Upaya) untuk merantau jauh ke negeri ini demi melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Wong Hui Yenn, 20, dari Kuala Lumpur, yang mengalami kecacatan ekoran tulang kakinya yang lembut sejak dari kecil juga tidak berasa gentar untuk tinggal di Sabah dan berjauhan dengan keluarganya.

“Walaupun di sana (Semenanjung) terdapat banyak lagi universiti namun atas nasihat guru-guru di Sekolah Menengah saya memilih UMS kerana pilihan Jurusan dan kemudahan yang ditawarkan bersesuaian dengan apa yang saya kehendaki,” kata Wong ketika ditemui Hari Pendaftaran Pelajar Baru UMS Sesi 2013/2014, di sini, kelmarin.

Kata Wong yang mengambil Jurusan Psikologi Kaunseling, kali ini merupakan kali pertamanya berjauhan dengan keluarga dan perlu menguruskan kehidupan sehariannya.

Namun, Wong telah menemui beberapa rakan baru yang ditemuinya di situ di samping rakan lamanya yang juga datang dari Kuala Lumpur turut berjanji untuk membantunya.

Dalam pada itu, menurut ibunya, Tan Bee Ling (50 tahun), dia terpaksa membiarkan anaknya tinggal sendiri di sini walaupun berasa risau demi melihat anaknya berjaya.

“Menjadi seorang kaunselor merupakan cita-citanya sejak kecil dan kami mengetahui bahawa UMS menawarkan jurusan Psikologi Kaunseling yang baik selain kemudahan persekitaran yang disediakan juga menepati keperluan Wong yang terpaksa menggunakan kerusi roda atau tongkat penyangga untuk ke mana-mana,” katanya.

Katanya, dia akan tinggal di Sabah selama seminggu bagi memantau keadaan Wong dan akan pulang ke Semenanjung setelah anaknya itu dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baru di kampus.

Tan turut memberitahu bahawa Wong mula mengalami masalah di kakinya sejak terjatuh ketika berumur empat tahun dan telah dua kali melakukan pembedahan. - OLEH BALQIS JAMALUDIN